

02 AUG 2002

KAKITANGAN KERAJAAN YANG BERSARA JANGAN SISIH DIRI, KATA MENTERI BESAR

TANGKAK, 2 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata kakitangan kerajaan yang bersara tidak perlu menyisihkan diri daripada masyarakat sebaliknya mereka boleh membantu masyarakat menerusi pertubuhan sukarela.

"Mereka mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas yang boleh disumbangkan kepada masyarakat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Seminar Meniti Usia Emas di Institut Latihan Perindustrian, di Sagil di sini hari ini.

Abdul Ghani berkata kebanyakan pegawai tinggi kerajaan yang bersara pada usia 55 atau 58 tahun masih lagi sihat dan cergas serta mampu memberikan khidmat kepada masyarakat.

Katanya masyarakat juga perlu memberikan layanan baik kepada golongan berusia emas dalam keluarga masing-masing bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan.

"Kita perlu mengembalikan semula amalan hidup berkeluarga besar seperti saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melancarkan Hari Keluarga dan Wanita di Kuala Lumpur kelmarin," kata beliau.

-- BERNAMA  
SO BH HM